

# Rencana-Rencana/Articles

## Koleksi Akademi Islam di Perpustakaan Utama Universiti Malaya

oleh  
Habsah Haji Ibrahim

**Abstract:** *When the Islamic Academy of the University of Malaya was first established in 1981 there were very few books in the main Library's collection to support the teaching and research programmes of the Academy. Steps were taken by both the Main Library and the Akademi Islam Library to acquire books in Arabic. As a temporary measure, both libraries undertook the task of photocopying Arabic books borrowed from the Islamic Centre for Higher Studies Kelantan Library to cater for the immediate needs of the students and staff of the Academy in Kuala Lumpur. A special allocation of \$100,000.00 was given by the University for the Library to buy books for the basic collection of the Academy. Associate Professor Dr. Othman Ishak, with the assistance of Dr. Abdul Aziz Hanafi, personally selected and arranged for the acquisition of Arabic books from Cairo. This article describes rather briefly the subject coverage of the books acquired as well as the acquisition, processing and the organisation of the Academy's collection at the Main Library.*

Perpustakaan Akademi Islam Universiti Malaya mempunyai sebanyak lebih kurang 30,000 naskhah buku rujukan, buku teks dan bahan-bahan am untuk kegunaan pelajar dan kakitangan akademik Akademi khususnya dan bagi kegunaan pengguna-pengguna Perpustakaan lain amnya. Dari jumlah ini sebanyak hampir 4,000 naskhah diletakkan di Perpustakaan Utama bagi memenuhi keperluan pelajar dan pensyarah Akademi yang ditempatkan di Kampus Induk Universiti Malaya di Kuala Lumpur. Pada tahun pertama penubuhan Akademi Islam, iaitu pada tahun 1981, Perpustakaan Akademi Islam dan Perpustakaan Utama telah mengambil langkah-langkah tertentu bagi menyediakan buku-buku rujukan untuk menyokong rancangan pengajaran dan penyelidikan di Akademi Islam. Selain dari membeli buku-buku yang tidak ada dalam simpanan Perpustakaan Utama dengan menggunakan peruntukan Malaysiana dan Aisa Tenggara, Perpustakaan juga, sebagai langkah sementara, telah membuat salinan foto bagi buku-buku bahasa Arab yang dipinjam dari Perpustakaan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan. Sebanyak 2 salinan bagi setiap tajuk telah dibuat. Jumlah buku dalam bahasa Arab yang disalinkan ialah sebanyak 110 tajuk dan 658 naskhah. Separuh dari

buku-buku ini dibuat penyalinannya di Kota Bahru, Kelantan dan separuh lagi dibuat di Kuala Lumpur. Buku-buku ini diletakkan dalam Koleksi Tanda Merah. Dua senarai bagi buku-buku ini telah dibuat; satu untuk tajuk-tajuk bagi kursus Fakulti Usuluddin dan satu lagi bagi kursus Fakulti Syariah. Senarai-senarai ini telah diedarkan kepada Pemangku Ketua Akademi dan kakitangan akademik Akademi Islam. Selain dari memberitahu pensyarah akan tajuk-tajuk yang terdapat di Koleksi Tanda Merah untuk kursus masing-masing, pensyarah-pensyarah juga telah diminta untuk memberitahu pelajar-pelajar Akademi mengenai koleksi ini.

Pada kebiasannya, persediaan untuk perpustakaan bagi menyokong sesuatu kursus di sesebuah Fakulti seharusnya mengandungi antara 20,000 hingga 30,000 naskhah buku rujukan, teks dan bahan-bahan am. Bagi mewujudkan koleksi asas Akademi Islam, Puan Khoo Siew Mun, Pemangku Pustakawan pada masa itu, telah meminta peruntukan asas sebanyak \$100,000.00 dari Universiti. Pada bulan Julai 1981, permohonan ini telah diluluskan oleh Majlis dari Kumpulan Wang Terkumpul Universiti.

Berdasarkan kepada pengalaman Perpustakaan Utama, perolehan buku-buku Arab adalah sukar.

\* Pustakawan Akademi Islam.



Buku-buku yang dipesan pada masa lampau mengambil masa hampir satu tahun untuk dibekalkan ke Perpustakaan. Kadangkala pesanan itu tidak diakui dan hilang begitu sahaja. Sebilangan besar daripada bahan yang diperlukan oleh Akademi Islam dijangkakan tidak boleh dibeli di pasaran terbuka. Bahan-bahan ini hanya boleh didapati dari penjual-penjual buku nadir sahaja. Oleh itu telah dicadangkan supaya seorang wakil Akademi Islam dihantar ke Timur Tengah untuk tujuan perolehan bahan-bahan di Kaherah dan tempat-tempat lain di Timur Tengah. Ekoran dari ini Profesor Madya Dr. Othman Ishak, Pemangku Ketua Akademi telah dihantar oleh Universiti Malaya ke Kaherah, Mesir untuk membeli sendiri bahan-bahan bacaan untuk Akademi. Beliau telah memilih dan menguruskan pembelian buku-buku ini dengan bantuan seorang kakitangan akademik Akademi, Dr. Abdul Aziz Hanafi yang pada masa itu sedang menuntut bagi ijazah lanjutannya di sana. Universiti Malaya juga telah mendapat kerjasama dari Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah dalam usaha pembelian buku-buku ini. Hasil dari ini sejumlah 309 tajuk dan 1,762 naskhah buku-buku Arab telah diterima untuk kumpulan pertama dan sebanyak 189 tajuk dan 1,368 naskhah bagi kumpulan kedua. Langkah ini telah menjimatkan banyak perbelanjaan oleh kerana harganya adalah jauh lebih murah jika dibandingkan dengan harga yang ditawarkan oleh orang-orang tengah dan kedai-kedai buku tempatan.

Buku-buku Arab ini merupakan buku-buku yang ditulis oleh sarjana-sarjana dan tokoh-tokoh Islam yang terkenal dahulu dan sekarang dan diterbitkan oleh penerbit-penerbit di Timur Tengah. Bidang-bidang yang diliputi oleh buku-buku ini termasuk bidang al-Quran dan hadith, 'aqidah dan dakwah, syariah, falsafah Islam, sejarah Islam, politik dan ekonomi Islam, bahasa Arab, kesusasteraan dan perkhamusan, kemasyarakatan Islam, kajian-kajian berhubung dengan persoalan semasa, pendidikan Islam dan buku-buku umum mengenai Islam.

Buku-buku ini telah diproses dan dikatalog oleh kakitangan profesional dan perkeranian Akademi Islam iaitu Puan Habsah Haji Ibrahim, Encik Wan Jusoh Wan Daud, Encik Abdul Kadir Haji Mohamad, Encik Hassan Ibrahim dan Encik Idris Ahmad. Kerja pemerosesannya ini telah dibuat cara berperingkat-peringkat dengan dibantu oleh kakitangan Bahagian Perolehan dan Bahagian Katalog, Perpustakaan Utama.

Pada permulaannya buku-buku dalam bahasa Arab ini disusun di rak mengikut nombor panggilan bersama-sama dengan buku-buku lain dalam bahasa Inggeris, Melayu dan lain-lain bahasa. Pada akhir tahun 1984, Perpustakaan telah diminta oleh pihak

Akademi supaya mengasingkan buku-buku Arab dan meletakkannya di satu tempat yang tersendiri. Dalam penyusunan semula sebahagian dari koleksi Perpustakaan Utama, buku-buku dalam bahasa Arab ini diletakkan setempat tanpa mengira bidang yang diliputi. Ini bertujuan untuk memudahkan pelajar-pelajar dan kakitangan akademik Akademi Islam mendapatkan buku-buku Arab dari rak-rak yang dikhususkan itu.

Untuk membolehkan tenaga pengajar mengetahui akan tajuk-tajuk buku yang telah diperolehi dari Timur Tengah, satu senarai bagi tajuk-tajuk tersebut telah dibuat oleh Perpustakaan Akademi Islam untuk buku-buku dalam kumpulan pertama dan diedarkan kepada semua kakitangan akademik Akademi Islam. Tajuk-tajuk ini ditaip dalam skrip Arab dan disusun mengikut tajuk di bawah bidang-bidang tertentu. Bagi buku-buku kumpulan kedua, senarai mengikut bidang belum disediakan lagi oleh kerana terdapat beberapa tajuk lagi yang masih belum diproseskan.

Di mesyuarat Jawatankuasa Perpustakaan yang diadakan pada 27hb. September, 1983 telah dicadangkan supaya satu katalog dalam tulisan Arab dibuat bagi buku-buku Akademi Islam dalam Bahasa Arab sebagai sebuah katalog yang lebih berguna kepada pelajar selain dari katalog dalam bentuk mikrofilm dalam tulisan rumi yang dikeluarkan di bawah Sistem MALMARC. Oleh kerana kerja membuat keseluruhan katalog berkenaan dalam tulisan Arab ini merupakan kerja yang rumit, melibatkan kerja tambahan yang banyak serta menduplikatkan rekod yang ada, keputusan telah diambil untuk hanya membuat satu katalog kad yang mana entri utamanya dibuat dalam tulisan rumi dan di bahagian atasnya ditambah tajuk dalam tulisan Arab. Katalog ini disusun mengikut tajuk mengikut abjad Arab. Katalog khas ini diletakkan di Dewan Katalog, Perpustakaan Utama.

Selain dari membeli buku-buku Arab dari Timur Tengah, wang dari peruntukan asas ini juga telah digunakan untuk membeli buku-buku dalam bahasa Inggeris. Profesor Madya Dr. Othman Ishak telah membeli bahan-bahan rujukan seperti indeks dan ensiklopedia mengenai Islam dari pembekal buku yang menjual buku-buku mengenai Islam di London, iaitu Luzac & Company Ltd. Buku-buku ini adalah dalam bahasa Inggeris dan Jerman. Pustakawan Akademi Islam juga telah membeli bahan-bahan rujukan seperti katalog koleksi Arab dan Timur Tengah bagi Middle East Library, Utah University serta bahan-bahan rujukan lain bagi kerja pengkatalogan dan pengkelasan dari peruntukan ini untuk kegunaan kakitangan Perpustakaan Akademi bagi memproses buku-buku Akademi.